

16/01/2004

Setiausaha Agung BN: Khalil ganti Mohamed

Kadir Dikoh; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamed Rahmat, yang berkhidmat di bawah semua lima Perdana Menteri, meletakkan jawatan politik terakhirnya itu semalam selepas 35 tahun menceburi dunia politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika mengumumkan peletakan jawatan itu selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam berkata, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob mengisi kekosongan yang ditinggalkan Mohamed.

"Tan Sri Mohamed menawarkan diri untuk meletak jawatan dan kita melantik Khalil untuk mengambil alih," katanya.

Mohamed, 66, menjadi Setiausaha Agung BN yang kedua apabila bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar meletak jawatan pada 22 Mac 1994.

Beliau yang juga bekas Setiausaha Agung Umno, memulakan kerjaya politiknya pada 1965 sebagai setiausaha politik kepada Menteri Pengangkutan ketika itu, Tun Sardon Jubir.

Beliau bertanding dalam pilihan raya buat kali pertama di kerusi Parlimen Johor Baru Barat pada 1969 dan muncul sebagai Ahli Parlimen paling lama berkhidmat - 30 tahun sehingga mengundur diri pada pilihan raya umum 1999.

Mohamed mula dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan dan kemudian Timbalan Menteri Kewangan. Pada 1978, beliau menjadi Menteri Penerangan sehingga 1982.

Beliau digugurkan daripada Kabinet dan dijadikan Duta bertaraf menteri ke Indonesia (1982-85) sebelum sekali lagi dilantik Menteri Penerangan mulai 1987 hingga Mei 1999.

Ketika ditemui selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN semalam, Mohamed berkata beliau menemui Abdullah bulan lalu untuk mengemukakan surat peletakan jawatan.

"Ia amat menarik dan sempurna. Menjadi satu penghormatan untuk berkhidmat dengan semua lima Perdana Menteri," katanya dan menambah keputusan itu dibuatnya secara sukarela.

Katanya, beliau akan mengadakan sidang akhbar minggu depan untuk menyatakan sebab-sebab meletak jawatan "tetapi sebagai ahli parti yang setia, saya masih berada di sini untuk berkhidmat."

Sementara itu, mesyuarat Dewan Tertinggi BN selama lebih dua jam itu juga sebulat suara melantik Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Pengerusi BN merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan gabungan itu, jawatan yang dipegang Abdullah sebelum ini.

Abdullah berkata, mulai sekarang juga beliau akan memegang jawatan Bendahari BN buat sementara waktu. Jawatan itu dipangku oleh Tun Dr Mahathir Mohamad ketika memegang jawatan Pengerusi BN sebelum ini.

Khalil, 66, yang juga Setiausaha Agung Umno pula berkata, beliau akan meneruskan apa yang dijalankan oleh Mohamed dan berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan.

Sementara itu, Najib ketika diminta mengulas pelantikannya sebagai Timbalan Pengerusi BN berkata beliau berterima kasih kepada Abdullah dan pemimpin parti komponen kerana kepercayaan yang diberi kepadanya.